



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 17 OGOS 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **17 kes** yang telah pulih COVID-19 pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah sebanyak **8,876 kes** (96.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 17 Ogos 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **12 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **9,212 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 211 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada 12 kes baharu yang dilaporkan, dua (2) kes adalah kes import yang telah mendapat **jangkitan di luar negara** yang melibatkan **bukan warganegara**. Dua (2) kes import tersebut adalah dari negara:

- i. Syria (1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur); dan
- ii. Filipina (1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur).

Kesemua 10 kes **penularan di dalam negara** melibatkan **warganegara Malaysia**. Perincian kes adalah seperti berikut:

- i. Selangor: Satu (1) kes saringan bergejala di Hospital Sungai Buloh.
- ii. Kedah:
 - Empat (4) kes daripada Kluster Tawar.
 - Dua (2) kes daripada Kluster Sala.
- iii. Pulau Pinang: Tiga (3) kes daripada Kluster Tawar.

Situasi terkini kedua-dua kluster ini akan diperincikan di bawah.

Sehingga kini, terdapat **lapan (8) kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana dua (2) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Adalah dimaklumkan bahawa **tiada** pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak **125 kes** (1.36 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KLUSTER TAWAR

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat tujuh (7) kes baharu yang dilaporkan bagi Kluster Tawar pada hari ini, iaitu empat (4) kes di Kedah dan tiga (3) kes di Pulau Pinang. Ini menjadikan jumlah kes dikesan positif COVID-19 bagi kluster ini sebanyak 46 kes. Kesemua kes baharu ini adalah generasi ketiga.

Sehingga 17 Ogos 2020 jam 12 tengah hari, seramai 1,135 orang telah disaring dalam kluster ini. Pecahan saringan mengikut negeri yang terbabit adalah seperti berikut:

1. Kedah (918 disaring):

- 39 kes dikesan positif COVID-19;
- 655 individu negatif; dan
- 224 individu masih menunggu keputusan.

2. Pulau Pinang (208 disaring):

- Tujuh (7) kes dikesan positif COVID-19;
- 175 individu negatif; dan
- 26 individu masih menunggu keputusan.

3. Perak (9 disaring):

- Tiada kes dikesan positif COVID-19;
- Lapan (8) individu negatif; dan
- Satu (1) individu masih menunggu keputusan.

Pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat masih diteruskan bagi kluster ini dan situasi semasa akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

STATUS TERKINI KLUSTER SALA

Terdapat dua (2) lagi kes baharu yang dilaporkan dalam kluster ini, justeru menjadikan jumlah kes positif enam (6) kes. Sehingga 17 Ogos 2020 jam 12 tengah hari, seramai 273 orang telah disaring dalam kluster ini. Pecahan saringan mengikut negeri yang terbabit adalah seperti berikut:

1. Kedah (269 disaring):

- Enam (6) kes dikesan positif COVID-19;
- 214 individu negatif; dan
- 49 individu masih menunggu keputusan.

2. Pulau Pinang (4 disaring):

- Tiada kes dikesan positif COVID-19; dan
- Empat (4) individu negatif.

CHECK-IN DALAM APLIKASI MYSEJAHTERA VERSI 24

Aplikasi MySejahtera telah membolehkan fungsi *check-in* dilakukan oleh pengguna dan juga tanggungan secara serentak apabila memasuki sesuatu premis. Fungsi ini telah dibangunkan bagi memudahkan dan mempercepatkan proses *check-in* selaras dengan tujuan Kerajaan mewajibkan semua individu yang memasuki mana-mana premis untuk merekodkan kehadiran.

Fungsi ini boleh digunakan selepas pengguna mengemaskini aplikasi kepada versi ke-24. Berikut adalah langkah-langkah sebelum mula menggunakan fungsi tersebut, iaitu:

1. Pilih “Lain-lain” di menu utama aplikasi MySejahtera;
2. Seterusnya pilih aktiviti “Tambah Tanggungan”;
3. Tekan “Tambah Tanggungan” di bahagian bawah sebelah kanan bagi memasukkan butiran ahli keluarga. Pastikan semua maklumat yang dimasukkan adalah betul.
4. Setelah selesai memasukkan butiran ahli keluarga, tekan “Simpan”.

5. Atau pilih “Tambah Satu Lagi” sekiranya ingin memasukkan maklumat ahli keluarga seterusnya.

Bagi individu yang ingin check-in bagi beberapa individu, anda boleh pilih nama-nama yang telah dimasukkan dalam aplikasi ini. Tiada had yang ditetapkan bagi bilangan nama yang boleh dimasukkan sebagai tanggungan seseorang individu. Fungsi ini boleh digunakan oleh semua pengguna aplikasi MySejahtera untuk *check-in* di semua premis yang berdaftar dengan aplikasi ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM menyeru orang ramai agar terus amalkan nasihat-nasihat yang sering ditekankan oleh KKM sebagai satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian. Antara nasihat-nasihat tersebut adalah seperti berikut:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang **dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (***facemask***) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;

- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

17 Ogos 2020 @ 5.00 petang.

**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 17 OGOS 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	31
KEDAH	6	180
PULAU PINANG	3	132
PERAK	0	269
SELANGOR	1	2,150
NEGERI SEMBILAN	0	1,034
MELAKA	0	259
JOHOR	0	750
PAHANG	0	370
TERENGGANU	0	114
KELANTAN	0	160
SABAH	0	416
SARAWAK	0	682
W.P. KUALA LUMPUR	2 (2)	2,544
W.P. PUTRAJAYA	0	99
W.P. LABUAN	0	22
JUMLAH KESELURUHAN	12 (2)	9,212

*() adalah merujuk kepada kes-kes import